

TERAS

<http://www3.utem.edu.my/pendaftar/teras>



**Program Outreach
UTeM 2015**

**Keunikan Program
PERiNTis - Meneraju
Perubahan**

**Program UTeM Terbilang
Cabar Keyakinan Diri**

**Pencapaian KIK
UTeM Tahun 2015**

**Kontrak Cuti
Belajar Siri 2**

**Majlis Jasamu
Dikenang**

**TAKLIMAT PANDUAN
PENILAIAN PRESTASI
PEGAWAI-PEGAWAI PENILAI
UTeM OLEH JABATAN
PERKHIDMATAN
AWAM (JPA)**

Sidang Redaksi

Penaung

Datuk Hasan bin Sirun

Ketua Editor

Wahi bin Nordin

Editor

Noorazilah binti Mohamed

Sidang Redaksi

Azlina binti Amzah

Zamani bin Salleh

Masri binti Hj Awaludin

Norhafizah binti Md Yusoh

Muhamad Hazrul bin Md Esa

Laila Zahidah binti A.Rahman

Pembaca Prof

Nurhayati binti Mohd Shariff

Jurugambar

Asri bin Abu

Nurulidayu binti Talib

Mohd Farid bin Supangi

Anuarrudin bin Md Soom

Mohd Zarizan bin Zakaria

Ahmad Fitri bin Abu Bakar

Md Nor bin Mohamad Saleh

Penulis/Wartawan

Ir. Dr. Mohd Rayme bin Anang Masuri

Norsuria binti Azis

Laila Zahidah binti A. Rahman

Mohd Hairull bin Abdolah

Mahathir bin Mazizan

Mohd Shahrul Nizam bin Shukor

Norhafizah binti Md Yusoh

Mohd Farid bin Mohd Khalid

Mohd Yaszli bin Mohamed Rahis

Azlina binti Amzah

Mohamad Yusof bin Mohamad Dan

Masri binti Hj Awaludin

Noor Bahirah binti Johal

Khairul Arifin bin Hj. Md Di

Hajar Suriati binti Othman



Kandungan

- 4 Laporan Awal Penghasilan Pelan Strategik Sumber Manusia UTeM 2015-2025
- 6 Penerangan Pakaian Seragam Universiti
- 8 Bantuan Wang Pengurusan Jenazah Untuk Staf UTeM
- 9 Pengurusan Mel Di UTeM
- 10 Pengenalan Skim Sangkut Industri (SSI)
- 11 Kontrak Cuti Belajar SIRI 2
- 12 SCuBBA
- 13 Pencapaian KIK UTeM Tahun 2015
- 15 Program Outreach UTeM 2015
- 16 Program Penetapan Pendaftar Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) di Pejabat Pendaftar
- 17 Lawatan Penandaarasan Majlis Perbadanan Subang Jaya (MPSJ) ke UTeM
- 18 PERINTIS 2016
- 21 Perkongsian Pengalaman Daripada Staf Bukan Akademik Pertama di UTeM Yang Berjaya Merangkul PhD
- 25 Staf Cuti Belajar Yang Telah Berjaya PhD
- 27 Lawatan Bahagian BPPO, Pejabat Pendaftar UNISZA ke UTeM
- 28 2,721 Pelajar Baharu Sesi Akademik 2015/2016 Mendaftar di UTeM
- 30 Majlis Konvokesyen Ke-11 UTeM
- 36 Taklimat Panduan Penilaian Prestasi Pegawai-pegawai Penilai UTeM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- 37 UTeM Terbilang Siri 2/2015
- 40 Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 3/2015
- 41 Majlis Jasamu Dikenang

Editorial

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh

Salah Sejahtera, Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya Buletin TERAS Pejabat Pendaftar dapat diterbitkan. Tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua warga Editorial TERAS yang tanpa jemu berusaha menyiapkan Buletin ini.

Edisi pada kali ini, merupakan edisi yang pertama pada tahun 2016 dan warga editorial TERAS telah berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada para pembaca dengan informasi material yang ringkas dan padat.

Untuk makluman pembaca, Pejabat Pendaftar merupakan tunjang utama pentadbiran UTeM yang bertanggungjawab di dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Menjadi hasrat pejabat ini untuk memastikan keperluan perkhidmatan warga universiti dapat dipenuhi. Justeru itu, TERAS merupakan medium Pejabat Pendaftar bagi menyalurkan maklumat-maklumat terkini secara berkesan.

Pada tahun 2016, Pejabat Pendaftar secara fokusnya akan melaksanakan strategik inisiatif bagi memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Universiti iaitu pelaksanaan audit perjawatan, laluan kerjaya *Four Tracks*, kemasukan pelajar Ijazah Sarjana Muda semester kedua, program *Neuro-Linguistic Programming* (NLP), Pelan Pembangunan Individu (IDP), penambahbaikan sistem penilaian prestasi, penubuhan wakaf tabung perubatan, *e-psychometric*, peningkatan kelayakan bilangan staf PhD dan *value based management*. Sepuluh strategik inisiatif yang dinyatakan ini merupakan komitmen Pejabat Pendaftar kepada pihak pengurusan Universiti.

Akhir kata, dikesempatan ini, marilah kita sama-sama menilai kembali keberkesanan kita pada tahun 2015 telah berjaya dicapai dengan sempurna. Sekiranya tidak, penambahbaikan perlu dibuat bagi perancangan tahun 2016 dengan menetapkan strategi-strategi yang boleh dibuat supaya sasaran bagi tahun 2016 dapat dicapai.

Harapan saya semoga Buletin TERAS ini dapat memenuhi keperluan maklumat semua pihak khususnya kepada warga universiti.

Wassalam.

Wahi bin Nordin

Ketua Editor TERAS

INFO

LAPORAN AWAL PENGHASILAN PELAN STRATEGIK SUMBER MANUSIA UTeM 2015-2025

Oleh: AZRINA BINTI ALWI

Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) UTeM 2015-2025 dibangunkan dengan mengambil kira Syor Laporan Interim Autonomi Universiti. Pembangunan dan pelaksanaan PSSM UTeM 2015-2025 ini dibuat berpanduan kepada realiti sejarah dan falsafah penubuhan UTeM dan cabaran dalam melahirkan modal insan yang bertaraf dunia. Pembangunan PSSM UTeM 2015-2025 bermula pada Mac 2015 dan kini telah memasuki fasa terakhir iaitu fasa penerbitan.

UTeM telah mengenal pasti tujuh (7) teras strategik yang menjadi faktor kepada keberhasilan dan kejayaan pengurusan sumber manusia. Tujuh (7) teras strategik telah dirumuskan secara komprehensif untuk memberikan panduan bagi mengoptimalkan kecekapan dalam meningkatkan keberkesanan tadbir urus Universiti. Keunikan kepada transformasi PSSM UTeM 2015-2025 ini terletak kepada asas pembentukan sumber manusia yang difokuskan kepada keseimbangan faktor intrinsik dan ekstrinsik di dalam pembangunan modal insan. Teras Ihsan, Akhlak dan Berkah merupakan elemen utama dalam faktor dalaman namun ia dilihat sekadar tempelan di dalam pelaksanaan bagi sesetengah organisasi, atau sekadar pelengkap sehingga tidak memberikan apa-apa impak sebenar kepada pembangunan potensi diri manusia. Penekanan terhadap faktor ini sebenarnya adalah kunci kepada penghasilan sumber manusia yang berakhlak.

Adalah menjadi harapan agar PSSM UTeM 2015-2025 ini dapat memacu Universiti ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang seterusnya mencapai hasrat untuk menjadi Institusi Terkemuka Di Dunia.



BALAI CERAP TELUK KEMANG PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN, MALAYSIA



Pra Bengkel Pelaksanaan PSSM Bil.1/2015 pada 18-19 Mei 2015 di Hotel Seri Malaysia; Melibatkan 47 orang staf
Resolusi: Kenal pasti: Cabaran Sumber Manusia dan Kerangka PSSM



Pembentangan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 10 Disember 2015



Bengkel Akhir Penulisan PSSM UTeM pada 17-18 Oktober 2015 di Klana Resort, Seremban
Melibatkan 30 orang staf
Resolusi: Pengemaskinian penulisan dan penerbitan buku PSSM UTeM 2015-2025



Bengkel Pelaksanaan Strategi PSSM Bil.2/2015 pada 7-9 Ogos 2015 di Klana Beach Resort, PD Melibatkan 59 orang staf
Resolusi: Teras Strategik & Pelan Tindakan PSSM 2015-2025

INFO

PAKAIAN SERAGAM UTEm

Oleh: AZLINA BINTI AMZAH

Pakaian seragam adalah pakaian bekerja yang dibekalkan kepada kumpulan staf tertentu berdasarkan kepada keperluan jawatan kumpulan berkenaan yang mana reka bentuk dan warna ditetapkan oleh Universiti.

Pakaian seragam yang dimaksudkan adalah pakaian bekerja yang dipakai sepanjang waktu staf bertugas dengan tujuan pengenalan diri staf kepada orang lain yang berkaitan semasa menjalankan tugas.

Pakaian seragam adalah meliputi keseluruhan komponen yang melengkapkan reka bentuk pakaian tersebut meliputi perkara-perkara seperti berikut:-

- Kemeja dan Seluar/Jaket
- Topi
- Kasut (kulit/kanvas/getah)

Lain-lain kelengkapan adalah dikategorikan sebagai alatan tambahan yang perlu juga mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pakaian Seragam Universiti walaupun kelengkapan tersebut di bawah tanggungan vot Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Penentuan kelayakan untuk membekalkan pakaian seragam adalah berdasarkan keperluan tugas jawatan tertentu. Pakaian seragam dibekalkan berdasarkan kepada asas-asas berikut:-

- ✓ Sebagai lambang kuasa yang diperuntukkan kerana tugas jawatan yang melibatkan penguatkuasaan undang-undang, memasuki kawasan, bangunan dan rumah-rumah untuk tujuan pemeriksaan;

- ✓ Bagi tujuan perlindungan dan keselamatan diri staf daripada percikan bahan-bahan kimia dan bidang tugas ini adalah seperti staf makmal, staf bengkel, Pekerja Am di luar pejabat dan wad rawatan pesakit;

- ✓ Bagi tujuan kebersihan dan penampilan staf seperti Pemandu dan Pekerja Am Pejabat; dan

- ✓ Keseragaman fesyen jawatan yang disandang.

Status staf yang layak mendapat kemudahan pakaian seragam adalah daripada kategori yang berjawatan tetap dan kontrak sahaja. Senarai pembekalan pakaian seragam dan kasut mengikut perjawatan adalah seperti di **Lampiran.**



INFO

SENARAI PEMBEKALAN PAKAIAN SERAGAM & KASUT MENGIKUT PERJAWATAN UTEm

BIL	PERJAWATAN	JENIS PAKAIAN	JUMLAH	JENIS KASUT	JUMLAH	JENIS PAKAIAN	JUMLAH	JENIS KASUT	JUMLAH	NOTE
1	Pemandu Kenderaan Bermotor	Kemeja Lengan Pendek Seluar	2	Kasut Pejabat	2					
2	Juruteknik Juruteknik Komputer Operator Loji	Kemeja Lengan Pendek Seluar	1	Kasut Pejabat & Kasut Boot (Low Cut)	2	Kemeja Lengan Panjang Seluar	1	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit) & Kasut Boot (Low Cut)	2	
3	Pembantu Operasi Pembantu Am Pejabat (PAP)	Kemeja Lengan Pendek Seluar	2	Kasut Pejabat	2	Tudung Jaket Baju Kurung	3	Kasut Pejabat Wanita (Bertumit)	2	
4	Pembantu / Pekerja Awam Tukang Elektrik (K2) Tukang Paip / Kayu (K3) Pembantu Kemahiran	T-Shirt Lengan Pendek Seluar	2	Kasut Pejabat & Kasut Boot (Low Cut)	2					
5	Pembantu Makmal	Jaket	2	Kasut Pejabat	2	Jaket	2	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
6	Pegawai Perubatan	Kot Doktor	3			Kot Doktor	3			
7	Penolong Pegawai Perubatan	Kemeja Lengan Pendek Seluar	3	Kasut Pejabat	2	Kemeja Lengan Panjang Seluar	3	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
8	Jururawat					Baju Jururawat Seluar	3	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
9	Penolong Pegawai Farmasi					Baju Pen. Peg. Farmasi Seluar	3	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
10	Atendan Kesihatan (Pembantu Perawat Kesihatan)					Tudung Baju Lengan Panjang Seluar	3	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
11	Pembantu Pembedahan Gigi					Tudung Kemeja Lengan Panjang Seluar	3	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit)	2	
12	Penjaga Jentera Elektrik					Kemeja Lengan Panjang Seluar	1	Kasut Boot (Low Cut & High Cut)	2	
13	Pembantu Taman Ladang					T-Shirt Lengan Pendek Seluar	2	Kasut Boot (Low Cut & High Cut)	2	
14	Pegawai Polis Bantuan (KP 22 Ke Atas)					Bush Jacket Baju Operasi Uniform Lengan Pendek	1	Kasut Pegawai Kasut Operasi	1	
15	Polis Bantuan / Staf Pengawal Keselamatan					Baju Operasi Uniform Lengan Pendek	2	Kasut Pejabat Kasut Operasi	1	
16	Pen. Jurutera / Pen. Peg. Semolina / Pen. Jurutera Bahan / Pen. Arkitek					Uniform Lengan Pendek Seluar	1	Kasut Pejabat Wanita (Tidak Bertumit) & Kasut Boot (Low Cut)	2	PENGUKURAN PADA 2015
17	Pemandu Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor					Jaket	2			
18	Jurufoto					Bush Jacket	1			
19	Bial / Imam					Ves Blazer	1			PENGUKURAN PADA 2017

Firman Allah dalam surah Yunus ayat 49: yang bermaksud:

"Bagi setiap umat ada tempoh (ajal) yang ditetapkan; maka apabila tiba tempohnya, mereka tidak dapat melambatkan sesaatpun, dan juga tidak dapat mereka menyegerakan".

BANTUAN WANG PENGURUSAN JENAZAH UNTUK STAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).

Oleh: MOHAMAD YUSOF BIN MOHAMAD DAN

Sekiranya staf meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan, Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah dengan seberapa segera mengisi borang pengesahan (BEN/UP/J001) dan mengemukakan borang tersebut kepada Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar untuk tujuan permohonan wang Bantuan Mengurus Jenazah berjumlah RM 3,000.00.

Wang Bantuan Mengurus Jenazah akan dibayar secara tunai atau cek atau bayaran pindahan secara elektronik (EFT) atau mana-mana gabungan yang sesuai kepada waris terdekat mengikut keutamaan seperti berikut:

- Bagi staf yang sudah berkahwin adalah kepada isteri atau suami staf yang meninggal dunia. Jika staf mempunyai isteri lebih daripada seorang, bayaran akan diberikan kepada isteri yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau
- Bagi staf yang duda/janda adalah kepada anak staf yang berumur 18 tahun ke atas; atau
- Bagi staf bujang adalah kepada ibu atau bapa staf.

Jika staf tidak mempunyai waris terdekat dan jenazah diuruskan oleh mana-mana ahli keluarga staf, maka Bantuan Mengurus Jenazah akan diberikan kepada orang yang menanggung perbelanjaan mengurus jenazah tersebut; atau

Jika jenazah tidak mempunyai waris, maka Ketua PTJ boleh memberikan wang Bantuan Mengurus Jenazah kepada pihak yang menguruskan jenazah tersebut.

Sekiranya pembayaran telah didahulukan, maka tuntutan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang BEN/UP/J002 dan dihantar kepada BPO, Pejabat Pendaftar bagi tujuan pembayaran.

Bayaran Pengangkutan Jenazah

Bayaran Pengangkutan Jenazah hendaklah dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar yang munasabah dan disokong dengan resit. Tuntutan ini hendaklah dikemukakan oleh waris atau pihak yang telah menerima Bantuan Mengurus Jenazah.

Sekiranya kemudahan pengangkutan jenazah disediakan oleh Jabatan atau ditanggung oleh pihak lain, maka Bayaran Pengangkutan Jenazah tidak lagi boleh dituntut.

Dokumen Berkaitan:-

- Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2010*
- Pekeliling Bendahari Bil.4/2011*

PENGURUSAN MEL DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

Oleh: MOHAMAD YUSOF BIN MOHAMAD DAN

Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar adalah Bahagian yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Mel di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Ini melibatkan urusan seperti berikut:

- Edaran mel dalaman (despatch)
- Mel harian
- Penghantaran mel ke Kampus Teknologi dan Kampus Bandar
- Penghantaran mel berdaftar/mel berdaftar berjawab

Peraturan Mel di UTeM

Perkhidmatan Mel di UTeM adalah menggunakan perkhidmatan Pos Malaysia dan Pos Laju. Peraturan dan kaedah yang perlu dipatuhi bagi menggunakan Perkhidmatan Mel UTeM adalah seperti berikut:

Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang memohon perlulah menghantar sendiri permohonan (surat / bungkus beserta borang permohonan iaitu BPO 9 atau BPO 10) ke Unit Mel, BPO, Pejabat Pendaftar.

Pemohon tidak dibenarkan memasukkan mel bagi perkhidmatan kurier/pos laju/mel berdaftar ke dalam Peti Mel Universiti. Peti Mel Universiti hanya digunakan bagi urusan edaran surat dalaman sahaja.

Perkhidmatan yang dipohon hendaklah dinyatakan dalam Borang BPO 9 atau BPO 10). Walau bagaimanapun, Unit Mel BPO atas budi bicara boleh menggunakan perkhidmatan penghantaran cepat mengikut keperluan dan kesesuaian.

Setiap maklumat seperti di dalam borang permohonan adalah wajib diisi bagi memudahkan proses penghantaran kepada penerima supaya tiada berlaku kelewatan.

Pemohon perlu memastikan maklumat penerima lengkap, tepat dan terkini (nama, alamat, poskod, nombor telefon dan emel). Penghantaran melalui kurier tidak dibenarkan menggunakan alamat 'P.O.Box'.

Jika memohon lebih daripada satu mel, perlu disertakan lampiran alamat-alamat lain pada borang permohonan yang sama.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi mestilah dicetak menggunakan kepala surat beralamat PTJ masing-masing.

Permohonan yang telah lengkap hendaklah disahkan oleh pegawai di PTJ yang memohon.

- Nama staf yang mengesahkan perlulah dinyatakan beserta nombor telefon. Permohonan tanpa pengesahan akan dikembalikan kepada pemohon.

Dokumen Berkaitan:- 1. Pekeliling Pentadbiran Bil. 25/2002 bertajuk Pelaksanaan Pemakaian 'Letter Head' dalam surat-menyurat rasmi.
Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2009 bertajuk Pemakluman penggunaan alamat baru di kampus induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PENGENALAN SKIM SANGKUT INDUSTRI (SSI)

Oleh: KHAIRUL ARIFIN BIN HJ. MD. DI

Skim Sangkut Industri (SSI) merupakan antara inisiatif dalam membantu merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan melalui perkongsian pintar di antara Universiti dan industri. Pendedahan dan pengalaman di industri boleh membantu staf dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Universiti ini.

Kaedah pembelajaran yang berorientasikan aplikasi dan amalan yang menepati kehendak pasaran dapat memberi nilai tambah kepada staf yang berjaya menjalani Sangkut Industri. Sangkut Industri juga dapat memberi pendedahan kepada staf berkenaan dengan teknologi dan inovasi baru selain dapat memberi pendedahan kepada suasana sebenar melalui konsep *experiential-learning*.

Tempoh minimum yang dibenarkan untuk mengikuti latihan ini adalah selama satu (1) bulan dan maksimum selama dua belas (12) bulan. Kekerapan seseorang staf dibenarkan untuk mengikuti SSI adalah tertakluk kepada perakuan Dekan dan kelulusan Jawatankuasa Cuti Belajar.

Elaun yang akan diberikan kepada staf yang mengikuti SSI ialah Elaun Penempatan, Elaun Sara Hidup untuk setiap bulan dan Elaun Akhir Pengajian. Staf hanya layak menerima Elaun Penempatan dan Akhir Pengajian sekiranya jarak tempat latihan staf melebihi 25 KM dari kawasan ibu pejabat dan tempoh Sangkut Industri staf hendaklah melebihi sembilan (9) bulan.

Skim ini juga bukan sahaja dapat membantu Universiti meningkatkan kualiti staf akademik dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan berdasarkan pengalaman serta ilmu yang diperoleh daripada industri, malahan

Skim ini merupakan platform dalam meningkatkan jumlah bilangan staf berstatus


Jurutera Profesional kerana latihan industri / sangkut industri merupakan syarat untuk memperoleh status JURUTERA PROFESIONAL

JUMLAH STAF CUTI BELAJAR SKIM SANGKUT INDUSTRI BAGI TAHUN 2008 - 2015

NO.	FAKULTI	TAHUN SANGKUT INDUSTRI / BILANGAN STAF								JUMLAH STAF
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	
1	FKE	2	-	-	5	2	4	2	-	15
2	FKEKK	2	-	1	1	3	-	3	-	10
3	FKM	-	-	1	1	-	-	-	-	2
4	FKP	2	1	1	-	-	2	2	4	12
5	FTMK	7	-	-	-	-	2	-	1	10
6	FPTT	-	-	-	-	-	1	-	-	1
7	FTK	-	-	-	1	1	1	-	-	3
8	PBPI	-	-	-	-	-	-	1	-	1
JUMLAH KESELURUHAN		13	1	3	8	6	10	8	5	54

KONTRAK CUTI BELAJAR SIRI 2

Oleh: LAILA ZAHIDAH BINTI A. RAHMAN



TERAS kali ini disajikan dengan sambungan Kontrak Cuti Belajar Siri 2 yang lebih berfokus pada kandungan Perjanjian Cuti Belajar. Fasal-fasal yang terkandung di dalam Perjanjian Cuti Belajar amat penting untuk difahami oleh staf (Pegawai) cuti belajar.

Pegawai yang diluluskan cuti belajar akan menerima surat tawaran cuti belajar, surat tawaran penajaan dan buku perjanjian yang dinamakan sebagai Perjanjian Cuti Belajar / Melanjutkan Pengajian. Perjanjian tersebut mengandungi 13 Fasal di mana setiap satunya mempunyai fungsi yang tertentu. 13 fasal tersebut adalah seperti yang berikut:-

Fasal 1 – Syarat-syarat

Fasal 2 – Tempoh Perkhidmatan Perjanjian Ini

Fasal 3 – Pembayaran Gaji Elaun Dan Perbelanjaan Lain

Fasal 4 – Penjamin-Penjamin

Fasal 5 – Penamatan Perjanjian oleh Universiti

Fasal 6 – Membayar Gantirugi

Fasal 7 – Indemniti

Fasal 8 – Notis-Notis

Fasal 9 – Jadual-Jadual

Fasal 10 – Masa

Fasal 11 – Pengganti-Pengganti Hakmilik

Fasal 12 – Penafsiran

Fasal 13 – Peruntukan

Selain Pegawai yang terlibat, Perjanjian tersebut juga perlu ditandatangani oleh dua (2) orang Penjamin, seorang (1) saksi dan juga Pegawai Universiti yang bertindak mewakili UTeM di dalam perjanjian ini. Pegawai hendaklah mengisi sebanyak lima (5) salinan Perjanjian Cuti Belajar bagi tujuan simpanan Pegawai, Penjamin I, Penjamin II, Fail Cuti Belajar dan Fail Peribadi Staf,

Perjanjian Cuti Belajar adalah amat penting kegunaannya termasuk menjadi sumber rujukan sekiranya Pegawai terbabit melanggar Perjanjian Cuti Belajar yang telah ditandatangani sebelum ini.

Di dalam Perjanjian Cuti Belajar juga mengandungi Lima (5) Jadual di mana setiap Jadual berkait dengan Fasal yang dinyatakan di dalam Perjanjian tersebut. Butiran Jadual adalah:-

Jadual Pertama (Para A)

Jadual ini perlu dilampirkan Surat Kelulusan Cuti Belajar.

Jadual Kedua (Para B)

Jadual ini pula mengandungi keterangan bahawa di dalam Perjanjian ini adalah di antara Pegawai yang akan melanjutkan pengajian yang juga disebut sebagai pihak pertama dengan UTeM yang juga disebut sebagai pihak kedua dan juga dua (2) orang Penjamin yang juga disebut sebagai Penjamin-Penjamin.

Jadual Ketiga (Fasal 3)

Jadual ini mengandungi butiran gaji Pegawai (semasa memulakan cuti belajar).

Jadual Keempat (Fasal 6)

Jadual ini mengandungi Jumlah Gantirugi yang dipersetujui.

KEMUDAHAN BIASISWA CUTI BELAJAR STAF PENTADBIRAN UTeM DI BAWAH SKIM CUTI BELAJAR STAF BUKAN AKADEMIK (SCuBBA)

Oleh: KHAIRUL ARIFIN BIN HJ. MD. DI

Menerusi Pekelliling Pentadbiran Bilangan 40 Tahun 2015, semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah dimaklumkan mengenai keputusan pihak Universiti atas perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 1 Tahun 2015 yang bersidang pada 2 April 2015 iaitu telah bersetuju dengan Penubuhan Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



Penubuhan SCuBBA telah memberikan berita gembira kepada Staf Pentadbiran UTeM kerana SCuBBA ditawarkan dengan kemudahan biasiswa untuk Staf Pentadbiran yang dianggotai oleh Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana di UTeM. Dengan peluang cuti belajar yang diberikan melalui Skim ini, Staf Pentadbiran dapat mempertajamkan lagi ilmu yang sedia ada secara tidak langsung dapat membantu

TARAF CUTI BELAJAR

BIL.	KATEGORI CUTI BELAJAR SCuBBA	PERINGKAT PENGAJIAN			
		SIJIL / DIPLOMA	IJAZAH PERTAMA	SARJANA	DOKTOR FALSAFAH (PhD)
1	CBBP - Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Bagi Pengajian Sepenuh Masa	B (TVET)	Tiada	A	A
2	CBSG - Cuti Belajar Separuh Gaji Dengan Biasiswa atau Tanpa Biasiswa Bagi Pengajian Sepenuh Masa	B	B	A	A
3	CBTG - Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Biasiswa atau Tanpa Biasiswa Bagi Pengajian Secara Sepenuh Masa	B	B	A	A
4	Tajaan Yuran Tanpa Cuti Bagi Pengajian Secara Separuh Masa	B	B	A	A

Catatan:

A – Staf P&P Pentadbir hanya diberi kemudahan cuti belajar untuk pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

B – Staf Pelaksana hanya diberi kemudahan cuti belajar untuk pengajian di peringkat Sijil, Diploma dan/atau Ijazah Pertama sahaja.

Staf yang mengikuti Latihan Kemahiran (Teknikal & Vokasional) di Bawah SkillsMalaysia bagi latihan kemahiran di peringkat sijil dan diploma (tempat latihan telah ditetapkan). Senarai penuh kelayakan kemahiran dan institusi kemahiran boleh dirujuk di pautan <http://www.ejpk.gov.my/MQA/ProgramList.aspx>.

**Sekalung penghargaan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi UTeM
di atas Perakuan Penubuhan SCuBBA**

PENCAPAIAN KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK) UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) TAHUN 2015

Oleh: NOORAZILAH BINTI MOHAMED



Pihak Pengurusan Universiti sentiasa menekankan pembudayaan elemen kreativiti dan inovasi di dalam setiap warga universiti. Pelaksanaan KIK di UTeM telah mula digerakkan pada tahun 2009 dengan penubuhan Jawatankuasa Pemandu KIK dan Jawatankuasa Pelaksana KIK di mana Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar telah dilantik sebagai sekretariat bagi pengurusan pelaksanaan KIK di UTeM. Justeru itu, melalui KIK, budaya "berfikir di luar kebiasaan" dapat dibentuk bagi memberi perkhidmatan yang responsif, mesra, cekap yang berteraskan ketelusan dan integriti. Kecemerlangan dan pencapaian KIK UTeM pada tahun 2015 adalah melalui:

- Kumpulan : techITez dari Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK)
Tajuk Projek : Sistem Pendaftaran Pelajar Baharu (iReg)
- Kumpulan Molia dari Perpustakaan
Tajuk Projek : Eureka Tag (eTag)



INFO

Berikut adalah pencapaian KIK UTeM sepanjang tahun 2015:

BIL	PERKARA	PENCAPAIAN
1	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam	Kumpulan techTez: a) Penarafan Emas b) Tempat Ketiga bagi Kategori Pengurusan Kumpulan Molia: a) Penarafan Perak
2	Konvensyen <i>Team Excellence</i> Wilayah Selatan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Kumpulan techTez: a) Penarafan Emas Kumpulan Molia: a) Penarafan Emas
3	<i>National Team Excellence on Innovative Creative Circle (ICC) Convention</i> , Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)	Kumpulan techTez: a) Penarafan Emas Tiga Bintang b) Tempat kelima terbaik bagi sektor awam di Malaysia. Kumpulan Molia: a) Penarafan Emas Tiga Bintang
4	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Kumpulan techTez: a) Penarafan Emas b) Tempat Kedua bagi Kategori Pengurusan
5	Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	Kumpulan techTez: a) Tempat Kedua bagi Kategori Pengurusan



INFO

PROGRAM OUTREACH (UTeM) 2015

Oleh: MASRI BINTI HJ AWALUDIN



Satu program 'Outreach' telah berjaya diadakan pada 25 Oktober 2015 bertempat di Hotel Park Avenue, Sungai Petani, Kedah. Ianya merupakan program sulung anjuran Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Kedah.

Program ini dianjurkan bagi memastikan Guru-guru Kaunselor di setiap sekolah mendapatkan maklumat yang tepat serta terkini mengenai peluang pendidikan bagi pelajar Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf untuk menyambung pengajian di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di UTeM melalui saluran-saluran yang telah disediakan.

Seramai 104 orang guru-kaunseling yang hadir dan antara program yang diadakan ialah pameran pendidikan dan sesi ceramah yang telah disampaikan oleh Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Razali bin Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), UTeM dan Y.Bhg. Prof. Madya Mohd Rahimi bin Yusoff, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTeM.



INFO

PROGRAM PENEMPATAN PENDAFTAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS) DI PEJABAT PENDAFTAR

Oleh: MOHD HAIRULL BIN ABDOLAH



Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor atau lebih dikenali sebagai KUIS merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Islam milik sepenuhnya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang ditubuhkan di bawah akta IPTS 1996. Satu Lawatan Delegasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah diadakan pada 17 September 2015. Lawatan ini bertujuan bagi memohon kebenaran daripada pihak UTeM untuk menempatkan Pendaftar KUIS, Encik Zulhizzam bin Hamzah bagi program sangkutan (attachment) di Pejabat Pendaftar, sesuai dengan skop dan tugas beliau di KUIS. Tujuan penempatan ini adalah untuk mendapatkan pengalaman serta berkongsi amalam terbaik (*best practice applied*) terutamanya dalam pengurusan modal insan serta pengurusan akademik berdasarkan pengalaman dan kepakaran dari pihak UTeM. Di samping itu juga, perkongsian pengalaman dan maklumat baharu yang dipraktikkan di UTeM dapat dijadikan nilai tambah dan rujukan kepada Pendaftar KUIS di masa akan datang. Program Penempatan Pendaftar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) di Pejabat Pendaftar telah juga dilaksanakan pada 2 November 2015 (Isnin) hingga 4 November 2015 (Rabu).

Semoga dengan program seumpama ini dapat sedikit sebanyak membantu organisasi lain menjayakan hasrat dan matlamat disasarkan.



AKTIVITI

LAWATAN PENANDAARASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ) KE UTeM

Oleh: NOORAZILAH BINTI MOHAMED



Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan membawa 36 orang ahli KIK MPSJ bagi tujuan mendapatkan informasi berkaitan amalan terbaik inovasi Kumpulan KIK yang dilaksanakan di UTeM. Berikut adalah butiran maklumat lawatan:

TARIKH : 27 NOVEMBER 2015 (JUMAAT)

MASA : 8.30 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT UTAMA, CANSELORI

Lawatan penandaarasan dari pihak UTeM diketuai oleh Encik Wahi bin Nordin, Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan bersama Fasilitator dan Ketua Kumpulan KIK techITez dari Pejabat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dan Kumpulan Molia dari Perpustakaan.



PERiNTiS 2015

PERiNTiS

"Meneraju Perubahan"

Oleh: MOHD FARID BIN MOHD KHALID

Program PERiNTiS merupakan salah satu program *teambuilding* yang sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap warga Universiti. Antara keunikan program ini adalah ianya berlangsung sepenuhnya di dalam Kampus Induk dan fasilitator terdiri daripada staf UTeM sepenuhnya. Program ini telah bermula sejak tahun 2013 sehingga kini. Untuk tahun 2015, HRD telah menganjurkan sebanyak empat (4) siri program PERiNTiS mengikut gred yang melibatkan seramai 390 orang peserta. Butiran program adalah seperti berikut:-



juga telah dilengkapi dengan khemah aktiviti, surau, tempat mandi dan tandas.

Majlis Perasmian dan Ucaptama telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib, Naib Canselor UTeM pada jam 9.00 malam. Ucaptama padat dengan maklumat dan aspirasi YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor mengenai pentadbir yang merupakan tulang belakang dalam proses transformasi Universiti. Ternyata

ucaptama selama hampir dua (2) jam ini merangsang deria mendesak peserta untuk melakukan perubahan yang positif dan berimpak tinggi demi UTeM tercinta. Selepas majlis ucaptama, program diteruskan dengan taklimat program oleh Ketua Fasilitator, Encik Mohd Isa bin Mohd Dom. Peserta dibahagikan kepada kumpulan, melantik ketua kumpulan dan juga mencipta *war cry* masing-masing. Peserta bersurai lebih kurang jam 11.30 malam untuk istirahat dan persediaan program *Eco-Escapade* di hari kedua.

Hari Kedua program bermula dengan solat Subuh berjemaah di surau Bengkel Kokurikulum dan diikuti dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Pusat Islam UTeM. Di antara intipati tazkirah adalah berkisar dengan permasalahan agama seperti akidah, pembentukan akhlak juga kepentingan konsep kerja sebagai suatu ibadah. Selesai sarapan pagi, peserta program berkumpul di khemah aktiviti untuk sesi senaman sebagai persediaan Modul *Eco Escapade*. Peserta didedahkan dengan kaedah solat dan mengambil wuduk semasa keadaan darurat dan penentuan kiblat oleh Pengarah Pusat Islam.

Pemilihan peserta adalah mengikut keperluan semasa dan hasil perbincangan pihak urus setia bersama Ketua Fasilitator dan Ahli Panel Program. Program **PERiNTiS** ini juga merupakan kesinambungan kepada Program PINTAR (Program Integrasi Insan Terbilang) yang telah dilaksanakan secara menyeluruh sebelum ini. **PERiNTiS** dibangunkan selaras dengan hasrat Universiti untuk menerajui perubahan ke arah mencapai visi dan misi universiti seiring dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi. Program ini juga direka bagi memenuhi keperluan akal, jasad dan roh yang seimbang untuk melahirkan warga kerja universiti yang cemerlang, dan menyumbang kepada universiti ke arah kegemilangan.

Program ini berlangsung selama 3 hari 2 malam bermula pada hari Jumaat petang dan berakhir pada hari Ahad petang. Bersesuaian dengan konsep *outdoor*, kesemua peserta telah bermalam di dalam khemah di tapak yang disediakan bertempat di Bengkel KoKurikulum bersebelahan tasik Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal. Peserta telah diberi kelengkapan & taklimat mengenai kaedah pemasangan khemah yang memuatkan empat (4) orang peserta. Tapak perkhemahan ini



Modul *Eco Escapade* dilaksanakan di sekitar UTeM. Setiap kumpulan akan melalui enam (6) "Check Point" bermula di tasik ke-3 UTeM mengelilingi Pusat Sukan, ladang kelapa sawit dan kawasan tangki air UTeM. Setiap kumpulan perlu menyelesaikan cabaran pada setiap "Check Point". Cabaran-cabaran ini menekankan semangat kerjasama dan perancangan strategik dari setiap ahli kumpulan. Tepat jam 12.00 tengahari setiap kumpulan akan berhenti untuk persediaan makan tengahari & solat zuhur berjemaah di dalam kawasan hutan. Untuk persediaan makan tengah hari, setiap kumpulan akan memasak sendiri menggunakan bekalan yang telah diberikan iaitu sardin di dalam tin, beras dan telur. Pada ketika ini, peserta diuji mengenai nilai kesabaran, tolak ansur, ketahanan mental dan *survival*. Modul ini disambung semula selepas jam 2.00 petang dan tamat kira-kira jam 4.00 petang. Walaupun modul ini meletihkan, ternyata peserta tetap bersemangat dan berusaha keras untuk melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Sesi pada sebelah malam diteruskan pada jam 9.00 malam, iaitu permainan "padang pasir" untuk menguji kesetiaan dan semangat kumpulan pentadbir sebagai satu unit. Fasilitator kemudiannya membuat kupasan mengenai pencapaian peserta dalam modul *Eco Escapade*. Setiap cabaran diulas dan dihubungkan kait dengan situasi semasa di tempat kerja.

Pada hari ke-3, peserta dikumpulkan di Bilik Seminar Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK) untuk modul Logical Framework Analysis (LFA). Selepas Ujian Psikometrik

kendalian Encik Muhamad Hazrul bin Md Esa Pegawai Psikologi UTeM, setiap kumpulan memulakan perbincangan untuk menambahbaik tugas semasa dan idea-idea bernas yang boleh melonjak pencapaian pentadbiran & pengurusan di UTeM. Setiap kumpulan kemudiannya akan membuat perbentangan hasil dari perbincangan kumpulan. Kehadiran YBhg. Datuk Naib Canselor pada sesi pembentangan ternyata memangkin semangat setiap peserta. Pembentangan telah dilakukan dalam suasana positif dan idea-idea yang dibentangkan diberi maklumbalas oleh YBhg. Datuk Naib Canselor. Sebelum ucapan penutup, fasilitator program telah melaksanakan permainan "T" Besar yang memupuk semangat kerjasama dan merangsang deria perubahan pada setiap peserta. Selepas ucapan penutup YBhg. Datuk Naib Canselor telah mengimamkan solat Asar berjemaah. Program Perintis ini telah tamat secara rasminya pada jam 5.30 petang.



Sebagai tambahan, Slot Neuro-Linguistic Programming (NLP) telah diperkenalkan di program **PERiNTiS** Khas Bil. 4/2015. Slot tersebut telah direalisasikan oleh Fasilitator NLP yang bertaualiah terdiri daripada staf dalaman. Teknik NLP ini yang berkonsepkan "To Make UTeM a Better Place to Work" dan "I Love UTeM" telah memperkenalkan sesi penghayatan peranan individu menerusi teknik pertanyaan oleh Fasilitator NLP secara berkumpulan. Pada sesi akhir slot NLP tersebut, setiap kumpulan akan mempersembahkan dapatan perbincangan yang meliputi cadangan serta tindakan terhadap matlamat yang telah ditetapkan oleh ahli kumpulan.

Secara keseluruhannya, program **PERiNTiS** ini sangat wajar diteruskan dan perlu sentiasa dimurnikan agar kesinambungan melahirkan insan terbilang akan terus dicapai yang akhirnya menjadi pencetus kepada transformasi ke arah kecemerlangan. UTeM Boleh!



**KOMPETENSI TERAS
KEGEMILANGAN
SENTIASA MERINTIS,
SENTIASA MENERAJUI**

Perkongsian Pengalaman Daripada Staf Bukan Akademik Pertama di UTeM Yang Berjaya Merangkul Ijazah Doktor Falsafah (PhD)

Oleh: IR. DR. MOHD RAYME BIN ANANG MASURI

Hari Selasa bertarih 10 Mac 2015 kira-kira jam 11.45 pagi, itu adalah tarikh keramat saya menerima huluhan tangan dan ucapan 'Congratulations Dr. Rayme' oleh Penyelia Utama, Dr. Matthew Paul Tucker setelah kira-kira 45 minit berada di dalam sesi viva-voce bersama Pemeriksa Luar, Dr. Barry Haynes dari Sheffield Hallam University (SHU) dan Pemeriksa Dalam, Prof. Dr. Rafid Al-Khaddar dari Liverpool John Moores University (LJMU). Itulah saat kemuncak yang tidak akan saya lupakan sepanjang kehidupan ini. Di saat itu, beban yang ditanggung terasa melayang seperti ditiup angin dan diri terasa berada diawang-awangan. Ketika itulah terkenang pengorbanan arwah abah (Hj. Anang Masuri Bin Ahmad Basri) dan mak di Malaysia, isteri dan anak-anak dan rakan-rakan di UTeM yang sentiasa memberikan sokongan. Seperti tidak percaya, perjalanan pengajian yang ditempuhi selama 3 tahun telah tiba ke penghujungnya. Yang tinggal, hanyalah melakukan pembetulan minor, mendapatkan tandatangan Prof. Rafid dan memenuhi keperluan teknikal bagi tujuan pengijazahan serta melayakkan diri menerima kad jemputan ke Majlis Graduasi pada 14 Julai 2015.

Namun begitu, saya harus bermuhasabah bahawa perjalanan untuk sampai ke peringkat ini bukanlah mudah, tetapi bukanlah juga sukar sekiranya ada kesungguhan. Tanpa sokongan Pengurusan Tertinggi UTeM, Bahagian Cuti Belajar di Pejabat Pendaftar serta doa dan kata-kata perangsang rakan pentadbir dan akademik di UTeM, ianya satu misi beranjan yang mungkin tidak mampu dihadapi.

Saya insaf dan sedar, saya haruslah menjadi orang yang paling bersyukur di atas kurniaan Allah SWT ini kerana mengizinkan permulaan saya untuk menamatkan pengajian PhD ini unik sedikit dari



Bergambar bersama sebaik sahaja selesai viva-voce bersama (dari kiri) Dr. Matthew Tucker, Dr. Barry Haynes dan Prof. Dr. Rafid Al-Khaddar.

perjalanan biasa. Di dalam nukilan ini, suka saya menarik perhatian para pembaca kepada motto Liverpool John Moores University, iaitu tempat di mana saya melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Dream, Plan, Achieve adalah mottonya dan suka saya berkongsi pengalaman berdasarkan motto tersebut.

Dream

Seseorang mesti memasang impian untuk merealisasikan cita-citanya. Namun begitu, perlu ada keberanian untuk memulakan langkah pertama. Pengarah Pembangunan pada ketika itu, Puan Hajah Noraida Binti Attan menyokong permohonan saya, sementara Pengurusan Universiti turut menggalakkannya. Pada 14 Julai 2010, saya telah dipanggil untuk ditemuduga bersama kira-kira hampir 50 orang pemohon dari seluruh Universiti Awam untuk mengisi 5 tempat sahaja. Alhamdulillah, saya lulus temuduga dan menerima surat tawaran sementara, namun begitu masih perlu memenuhi syarat-syarat tertentu dalam tempoh kira-kira setahun. Impian untuk memulakan pengajian PhD di Liverpool John Moores University yang terkenal dalam bidang Pengurusan Fasilitas semakin hampir. Untuk itu, strategi perlu disusun dengan lebih rapi.

INFO

Plan

Sebagai pentadbir di Pejabat Pembangunan UTeM, skop kerja saya lebih terdedah kepada amalan pengurusan dan pentadbiran kontrak dalam industri pembinaan di dalam kampus. Sangat sedikit pengetahuan saya berkaitan dengan penyelidikan. Istilah-istilah seperti ontologi, epistemologi dan axiology adalah sesuatu yang asing. Apatah lagi penggunaan perisian komputer untuk menyelesaikan permasalahan statistik seperti SPSS dan perisian analisis kualitatif seperti NVivo. Malahan semasa Kursus Kaedah Penyelidikan anjuran Bahagian Cuti Belajar, UTeM pada Oktober 2010, saya masih tidak dapat memutuskan untuk menjalankan kajian sains sosial secara kualitatif atau kuantitatif atau kaedah campuran (*mixed method*) atau dalam bentuk sains fizikal secara eksperimen di makmal kejuruteraan struktur, sementelah kelulusan Sarjana yang dimiliki adalah dalam bidang Kejuruteraan (*Sivil-Struktur*). Sejak itu saya sedar, dengan pengetahuan sedia ada adalah mustahil untuk saya mencapai impian mengganggap PhD. Strategi mesti diatur untuk mengatasi segala kelemahan. Mana mungkin saya menang dalam peperangan jika tiada perancangan dan kemahiran menggunakan senjata yang bersesuaian. Sejak itu, kursus penulisan cepat tesis, analisis data kualitatif dan kuantitatif dan kaedah penyelidikan anjuran persendirian saya hadiri. Biarpun yurannya mahal, pelaburan mesti dilakukan untuk mendapatkan hasilnya.

Tanggal 19 November 2011, kami sekeluarga bertolak ke Lapangan Terbang Antarabangsa Manchester, UK dari KLIA. Perjalanan selama 16 jam dirasakan cukup pantas kerana melayan karenah empat orang anak-anak (8, 5, 3 dan 1 tahun). Dikesempatan ini, saya mesti merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Fazli Bin Patkar (Pensyarah Kanan di FKE) dan isteri yang menjadi hos kami selama 2 minggu di Liverpool.

Perjumpaan pertama saya dengan Penyelia Utama yang saya panggil Matt tanggal 8 Disember 2011,

beliau menetapkan tiga perkara penting, pertama – perjumpaan bersama beliau setiap dua minggu, kedua – baca artikel atau buku selama setahun; dan ketiga – tulis tiga bab pertama dalam format tesis lengkap. Ternyata arahan beliau yang saya patuhi menghasilkan *Research Problem, Research Questions, Research Objectives* dan *Research Aim* yang menurut Matt cukup mantap. Natiujahnya, cadangan kajian saya telah diterima dan seterusnya melalui proses perpindahan dari MPhil ke PhD dengan lancar. Tambahan pula hubungan saya dengan Matt dan penyelia yang lain cukup baik. Di luar, kami pernah bermain futsal bersama. Kami juga pernah berhimpun dengan keluarga masing-masing dan Matt merasai masakan Melayu yang isteri saya sediakan. Di pejabat, pernah satu ketika, kami berbincang mengenai kajian hampir dua jam setengah. Manakala, Penyelia Kedua saya, Nazali Noor pula berperanan meningkatkan motivasi saya dari semasa ke semasa. Agak sukar untuk Penyelia Utama memperuntukkan masa yang sebegitu lama berbincang mengenai kajian anda. Barangkali, saya bernasib baik diberikan penyelia yang masih muda (memiliki PhD pada tahun 2010 ketika berusia kurang 30 tahun) dan saya merupakan salah seorang dikalangan dua calon PhD beliau yang pertama (seorang lagi adalah Toyin dari Nigeria juga dalam Pengurusan Fasilitas). Kebetulan Toyin mendaftar sebagai PhD seminggu selepas saya.



Kehadiran Toyin ke rumah pada Hari Raya Aidilfitri 2014

Kami sering menjadi bahan provokasi Matt agar bersaing secara sihat. Itu juga merupakan satu faktor kemajuan kajian kami berdua yang sangat menyenangkan Matt. Kerana persaingan inilah, saya mendisiplinkan diri untuk sentiasa berada di

INFO

workstation setiap hari bermula jam 8.30 pagi dan pulang pada jam 6.00 petang kerana terpaksa bekerja di sebelah malamnya. Dalam tempoh setahun, keupayaan menghasilkan penulisan sebanyak 30,000 patah perkataan dalam format tesis yang lengkap adalah pencapaian yang memberangsangkan. Ternyata, persaingan dengan Toyin ditambah dengan kemahiran menulis tesis cepat yang dipelajari membantu dalam penulisan.

Pembahagian tanggungjawab dalam urusan pengajian dan urusan keluarga merupakan cabaran terbesar sepanjang pengajian. Menyesuaikan diri sendiri dengan keadaan di UK sudah cukup menjadi cabaran, apatah lagi mendidik isteri dan anak-anak dalam budaya dan persekitaran asing. Memukul anak adalah satu kesalahan di UK. Kes pasangan ibu bapa yang dipenjara di Sweden pada tahun 2013 kerana memukul anak hampir-hampir sahaja berlaku kepada kami. Perbualan anak-anak sesama mereka di sekolah telah didengari guru. Menurut guru tersebut, amaran saya kepada anak-anak dengan menggunakan penyidai baju (*hanger*) merupakan satu penderaan.

Kerana kejadian tersebut, kami sekeluarga disyaratkan menghadiri *parenting classes* seminggu sekali selama empat bulan. Malah kami juga diancam bahawa undang-undang di UK membenarkan anak-anak kami dirampas dan ditempatkan di pusat penjagaan tertentu. Ianya merupakan tekanan kepada saya, tidak lama selepas bersedih atas kehilangan ayah tersayang pada 10 Mei 2012 yang tidak dapat saya tatap wajahnya buat kali terakhir. Namun begitu, ada hikmah di sebalik semua kejadian itu. Rupa-rupanya ia adalah peringatan agar keluarga sentiasa diutamakan meskipun pengajian PhD adalah sasaran yang perlu dicapai.

Disamping kesibukan dalam pengajian dan bekerja sebagai pencuci di firma guaman dan *steward* di Stadium Everton, kesejahteraan dan kesihatan isteri dan anak-anak perlu juga diberikan perhatian. Anak sulung, Adam merupakan seorang yang kurang upaya penglihatan. Beliau telah menjalani pembedahan major sebanyak tiga kali dan perlu mendapatkan rawatan susulan di Manchester Royal Eye Hospital, paling kurang sekali sebulan, bergantung kepada keadaan kesihatan matanya. Perjalanan dari Liverpool ke Manchester mengambil masa kira-kira 40 minit. Namun begitu, kami masih sempat mencuri masa melawat Paris, London, Aberystwyth, Edinburgh, Glasgow, Aberdeen, Land's End, Stonehenge dan lain-lain lagi.




Bekerja sebagai Steward di Stadium Everton selama 2 musim memberikan pengalaman yang cukup berharga

Akujanji yang ditandatangani bersama Petugas Sokongan Keluarga, Ms. Angela Craven

Achieve

"Green light" dari Matt untuk mengumpul data selepas setahun melakukan pembacaan dan penulisan kritikal adalah rahmat yang sangat besar. Pengumpulan dan analisis data berjalan lancar dengan bantuan Matt. Dalam masa yang sama, penulisan tesis terus berlaku. Menjelang Oktober 2014, penulisan tesis saya telah siap sepenuhnya dan sedia untuk *proof read*. Namun Matt, mempunyai pandangan berbeza dan mencadangkan agar saya mengambil sedikit masa lagi untuk meneliti tesis tersebut dengan lebih terperinci. Akhirnya pada 28 Januari 2015, Matt bersetuju menyerahkan tesis saya kepada pemeriksa luar dan pemeriksa dalam, setelah yakin yang saya sudah bersedia untuk menduduki *viva-voce*.

Kehadiran ibu (Hjh. Kamaliah Binti Hj. Munajat), isteri (Rozie Sabrina Binti Ismail) dan anak-anak di Majlis Graduasi pada 14 Julai 2015 sangatlah manis. Itulah cara terbaik untuk menghargai pengorbanan mereka. Keadaan agak kelam-kabut kerana hari berikutnya adalah hari di mana kami perlu meninggalkan Bumi Ratu untuk kembali ke Malaysia. Alhamdulillah, akhirnya kami tiba di KLIA dan UTeM pada 16 Julai 2015 bersamaan dengan 30 Ramadhan 1436H. Sempat kami menyambut 1 Syawal di Segamat, Johor bersama ahli keluarga yang lain. Ianya merupakan perjalanan pulang yang kami rasakan cukup epik dan nostalgik.



Bergambar di hadapan Liverpool Cathedral, lokasi Majlis Graduasi Liverpool John Moores

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Pengurusan Tertinggi UTeM di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Buat rakan-rakan pentadbir, pengalaman menggenggam PhD adalah rahmat kurniaan Allah SWT yang tidak mampu digambarkan. Perjalanannya mencabar keupayaan fizikal dan mental yang berbeza. Kongsilah pencapaian ini semoga menjadi pendorong kepada para pentadbir UTeM yang lain menggenggam segulung ijazah tertinggi dalam akademik.



Terasa sentiasa menerima sokongan moral kerana sering menerima kunjungan pihak Pengurusan UTeM, rakan-rakan dan tokoh-tokoh akademik terkemuka (1) LAr. Abdul Wahab Bin Harun, (2) Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Bin Suaidi dan Pn. Marsita Binti Mohd Taib, (3) Prof. Tan Sri Dato' Seri Ir. Dr. Sahol Hamid Bin Abu Bakar dan (4) Prof. Datuk Dr. Mohd Razali Bin Muhamad

STAF CUTI BELAJAR YANG TELAH BERJAYA PHD DAN SARJANA

Oleh: NORSURIA BINTI AZIS

BIL	NAMA	FAKULTI	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA PHD	BIDANG
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK						
1	Maspaliza binti Azri	FKE	UM	Malaysia	29.01.2015	Kuasa Elektrik & Pemacu
2	Muhammad Herman bin Jamaluddin	FKE	Yokohama National University	Jepun	25.03.2015	Robotics (Haptics)
3	Fairul Azhar bin Abdul Shukor	FKE	Shinshu University, Wakasato	Jepun	20.03.2015	Production Information Engineering
4	Rahifa binti Ranom (SLAB)	FKE	Southampton University	UK	16.03.2015	Mathematics - Applied Mathematics
5	Mohd Shahrieel bin Mohd Aras	FKE	UTM	Malaysia	24.03.2015	Kejuruteraan Elektrik - Control and Artificial Intelligence
6	Azrita binti Alias	FKE	UM	Malaysia	28.05.2015	Kejuruteraan Elektrik - Power Electronics & Control System
7	Wahidah binti Abd Halim	FKE	UM	Malaysia	25.06.2015	Elektronik Kuasa
8	Mohd Hendra bin Hairi	FKE	University of Manchester	UK	28.07.2015	Electrical Engineering - Power System Protection
9	Elia Erwani binti Hassan	FKE	UiTM	Malaysia	17.08.2015	Kejuruteraan Elektrik - Power System
10	Syed Najib bin Syed Salim	FKE	UTM	Malaysia	22.07.2015	Kejuruteraan Elektrik
11	Muhammad Nizam bin Kamaruddin (SLAI)	FKE	UTM	Malaysia	08.07.2015	Kejuruteraan Elektrik
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER						
1	Khairuddin bin Osman	FKEKK	UTM	Malaysia	30.03.2015	Kejuruteraan Elektrik
2	Siti Normi binti Zabri @ Suhaimi	FKEKK	Queen's University Belfast	UK	01.06.2015	Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
3	Norhashimah binti Mohd Saad	FKEKK	UTM	Malaysia	02.06.2015	Kejuruteraan Elektrik
4	Noor Azwan bin Shairi	FKEKK	UTeM	Malaysia	28.09.2015	Kejuruteraan Elektronik - RF & Microwave Engineering
5	Afifah Maheran binti Abdul Hamid	FKEKK	UKM	Malaysia	17.09.2015	Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN						
1	Muhamad Arfauz bin A Rahman	FKP	Royal Melbourne Institute of Technology	Australia	06.01.2015	Manufacturing Engineering Systems
2	Mohd Shukor bin Salleh	FKP	UKM	Malaysia	04.06.2015	Kejuruteraan Mekanik & Bahan
3	Zulkeflee bin Abdullah	FKP	University of Melbourne	Australia	20.07.2015	Rekabentuk Produk dan Pembuatan - Engineering Design & Mechanical Engineering
4	Mohamad Ridzuan bin Jamli	FKP	UKM	Malaysia	31.07.2015	Kejuruteraan Mekanik & Bahan
5	Mohammad Kamil bin Sued	FKP	Canterbury University, New Zealand	NZ	31.07.2015	Mechanical Engineering
6	Radin Zaid bin Radin Umar	FKP	Ohio State University, Columbus	USA	28.07.2015	Industrial and System Engineering
7	Nadiah binti Ahmad	FKP	Ohio State University, Columbus	USA	18.11.2015	Industrial and System Engineering

INFO

BIL	NAMA	FAKULTI	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA PHD	BIDANG
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL						
1	Siti Hajar binti Sheikh Md Fadzullah	FKM	Liverpool University	UK	01.04.2015	Kejuruteraan Mekanikal
2	Muhd Ridzuan bin Mansor	FKM	UPM	Malaysia	09.04.2015	Kejuruteraan Mekanikal
3	Nazri bin Md Daud	FKM	University of Gifu	Jepun	30.06.2015	Kejuruteraan
4	Mohd Nur Azmi bin Nordin	FKM	Yamaguchi University	Jepun	30.09.2015	Kejuruteraan Mekanikal
5	Omar bin Bapokutty	FKM	UKM	Malaysia	17.09.2015	Kejuruteraan Mekanik Dan Bahan
6	Suhaimi bin Misha	FKM	UKM	Malaysia	21.10.2015	Tenaga Keterbaharuan
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI						
1	Othman bin Mohd	FTMK	UTeM	Malaysia	28.09.2015	Teknologi Maklumat
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAAN						
1	Sabri bin Mohamad Sharif	FPTT	UKM	Malaysia	24.06.2015	Pengurusan Inovasi
2	Mohd Fazli bin Mohd Sam	FPTT	Aichi University, Nagoya	Jepun	20.03.2015	Pengurusan
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN						
1	Zanariah binti Jano	PBPI	USM	Malaysia	17.09.2015	Group Communication
2	Muhd Akmal Noor @ Buang bin Rajikon	PBPI	UKM	Malaysia	30.10.2015	Pengajian Islam

BIL	NAMA	FAKULTI	UNIVERSITI	NEGARA	BERJAYA SARJANA	BIDANG
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK						
1	Nurliyana binti Baharin	FKE	UNITEN	Malaysia	16.10.2014	Kejuruteraan Elektrik
2	Nurul Fatiha binti Johan (SLAB)	FKE	UIAM	Malaysia	29.05.2015	Kejuruteraan Mekatronik
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN						
1	Mohd Farid bin Ismail (SLAB)	FTK	Cranfiels University	UK	10.02.2015	Energy System and Thermal Processes
2	Madiha binti Zahari (SLAB)	FTK	UM	Malaysia	26.02.2015	Kejuruteraan (Elektronik dan Kawalan)
3	Ahmad Fauzan bin Kadmin (SLAB)	FTK	UKM	Malaysia	11.03.2015	Kejuruteraan (Komunikasi dan Komputer)
4	Mohd Yunos bin Ali (UTeM)	FTK	University Strathclyde	UK	12.06.2015	Electrical Power Engineering with Business
5	Hairul Effendy bin Ab Maulod	FTK	UM	Malaysia	27.08.2015	Kejuruteraan Bahan dan Teknologi
6	Shamsul Fakhar bin Abd Gani	FTK	RMIT	Australia	11.08.2015	Internet & Web Counting
7	Mohd Syahrin Amri bin Mohd Noh	FTK	The University of Sheffield	UK	06.11.2015	Semiconductor Photonics and Engineering

INFO



"Beberapa perkara baru yang dapat dipelajari dari UTeM insya-Allah akan dicadangkan untuk dilaksanakan di UniSZA. Idea yang amat bernas." kata Timbalan Pendaftar Kanan merangkap Ketua Delegasi.

LAWATAN KERJA BAHAGIAN PENTADBIRAN & PEMBANGUNAN ORGANISASI (BPPO), PEJABAT PENDAFTAR, UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) KE UTeM

Oleh: AZLINA BINTI AMZAH


Pada 12 November 2015, Pejabat Pendaftar UTeM telah menerima kunjungan dan lawatan kerja dari Bahagian Pentadbiran & Pembangunan Organisasi, Pejabat Pendaftar UniSZA. Delegasi lawatan yang melibatkan 12 orang staf UniSZA yang diketuai oleh Encik Mahammed bin Ismail, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Pendaftar, UniSZA disambut oleh Bahagian Pengurusan Organisasi seterusnya dibawa ke Bilik Mesyuarat Pejabat Pendaftar untuk sesi taklimat.

Tujuan utama lawatan kerja BPPO UniSZA ke UTeM adalah untuk berkongsi idea dan pengalaman dalam urusan Pentadbiran dan Pembangunan Organisasi seperti Tempahan Tiket Kapal Terbang, Perkhidmatan Mel dan Pakaian Seragam Universiti. Di samping itu, taklimat berkaitan Pengurusan Kenderaan Universiti telah disampaikan oleh Encik Zainal bin Bidin, Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti).



2,721 PELAJAR BAHARU SESI AKADEMIK 2015/2016 MENDAFTAR DI UTeM

Oleh: MAHATHIR BIN MAZIZAN



DURIAN TUNGAL – Seramai 2,721 pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda mendaftar secara rasmi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi Sesi Akademik 2013/2014 baru-baru ini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 370 orang adalah pelajar program Diploma, manakala 2,351 orang lagi merupakan pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang mengikuti pengajian di tujuh (7) buah fakulti pengajian di UTeM sama ada di dalam bidang Kejuruteraan, Teknologi Kejuruteraan, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat serta Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan.

Pendaftaran pada tahun ini telah berjalan dengan lancar dan bersistematik. Lebih membanggakan apabila universiti berjaya memperbaiki proses sistem pendaftaran yang mana ianya lebih teratur, cepat serta efisien dan hanya mengambil masa selama 5 minit bagi seorang pelajar untuk menyelesaikan segala urusan pendaftaran berkaitan.



Pelbagai maklumbalas yang sangat positif diperolehi daripada para ibu bapa yang berpendapat inilah yang harus dilaksanakan oleh sebuah universiti, apatah lagi bagi sebuah universiti teknikal yang senantiasa mementingkan kecekapan dan keberkesanan di dalam segala tugas yang dijalankan terutamanya di dalam sistem pentadbiran.

Biarpun menghadapi persaingan dengan institusi pengajian tinggi yang lain, UTeM terus mendapat kepercayaan ibu bapa dan pelajar untuk melanjutkan pengajian berikutan keunikan program akademiknya yang mempraktikkan sistem pembelajaran dan pengajaran berkonsepkan teknikal dan menepati keperluan industri. Pada tahun ini, UTeM menerima bilangan pelajar teramai yang mendaftar iaitu seramai 2,721 orang yang mencatat nisbah pendaftaran sebanyak 98% dan merupakan antara nisbah penerimaan yang paling tinggi sejak awal penubuhannya. Peningkatan bilangan pelajar ini telah membuktikan bahawa sistem pendidikan serta kemudahan pengajian yang disediakan di institusi ini mendapat perhatian serta kepercayaan masyarakat khususnya di kalangan ibu-bapa dan juga para pelajar.



AKTIVITI

MAJLIS KONVOKESYEN KE – 11 UTeM 3-4 OKTOBER 2015

Oleh: SITI SALWAH BINTI AHMAD



Pengisytiharan pembukaan Majlis Konvokesyen ke-11 UTeM telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, selaku Canselor UTeM pada 3 Oktober 2015.

Pada Majlis Konvokesyen ke-11 tersebut, UTeM turut mengiktiraf sumbangan bakti yang telah dicurahkan oleh Datuk Aminar Rashid bin Salleh selaku Presiden dan Ketua Eksekutif Perusahaan Automobil Kedua Sdn. Bhd. (Perodua) dengan penganugerahan **Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan**. Dilahirkan pada 13 Mei 1966, beliau merupakan anak kelahiran Kedah, memiliki Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Teknologi MARA dalam bidang Kejuruteraan Awam pada tahun 1982. Setelah menamatkan pengajian, beliau telah memulakan kerjaya di Techart Sdn. Bhd. sehingga tahun 1991. Berbekalkan ilmu dan pengalaman yang ada, beliau kemudiannya

menyertai UMW Toyota Motor Sdn. Bhd. sehingga tahun 2009 sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan Perodua.

Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 2,604 graduan menerima ijazah masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma. UTeM turut meraikan seramai 378 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Berikut adalah jumlah graduan mengikut Fakulti:



Fakulti	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	PhD
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	49	287	12	1
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	46	245	29	1
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	62	342	16	0
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	38	292	72	4
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi	62	353	64	8
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan	0	205	33	5
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	0	378	0	0
JUMLAH	257	2102	226	19
JUMLAH KESELURUHAN	2604			

Selain itu seramai 52 graduan telah dinobatkan sebagai penerima Hadiah Akademik Pelajar Cemerlang seperti berikut:-

Bil.	Anugerah	Nama Pelajar	Kursus
1	Anugerah Pelajaran Diraja	Mohammad Firdaus Bin Norazman	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
2	Anugerah Pelajaran Diraja	Shamala Vadivelu	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
3	Hadiah Canselor	Muhamad Hezri Bin Yusri	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) Dengan Kepujian
4	Hadiah Canselor	Lee Wee Pin	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian
5	Hadiah Naib Canselor	Foo Jia En	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi & Automasi) Dengan Kepujian
6	Hadiah Naib Canselor	Akmal Afiq Bin Nazmudi	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) Dengan Kepujian
7	Hadiah Naib Canselor	Allan Soon Chan Roong	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Dengan Kepujian
8	Hadiah Naib Canselor	Norhidayatul Fazlin Binti Suaga	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
9	Hadiah Naib Canselor	Amirah Binti Ismail	Diploma Kejuruteraan Elektrik
10	Hadiah Naib Canselor	Lim Kean Theng	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) Dengan Kepujian
11	Hadiah Naib Canselor	Natasha Binti Abd Hamid	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
12	Hadiah Naib Canselor	Hanisah Binti Asha'ri	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) Dengan Kepujian

13	Hadiah Naib Canselor	Lee Yin Hui	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles) Dengan Kepujian
14	Hadiah Naib Canselor	Por Xi Lin	Diploma Kejuruteraan Elektronik
15	Hadiah Naib Canselor	Faris Bin Azman	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Dengan Kepujian
16	Hadiah Naib Canselor	Fong Shon Feng	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) Dengan Kepujian
17	Hadiah Naib Canselor	Mohd 'Izzuddin Bin Dzulfakaruddin	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Loji & Penyenggaraan) Dengan Kepujian
18	Hadiah Naib Canselor	Nurul Farhana Izzati Binti Mohamad Nazri	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur & Bahan) Dengan Kepujian
19	Hadiah Naib Canselor	Nur Amalina Binti Mustafa	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) Dengan Kepujian
20	Hadiah Naib Canselor	Muhammad Zaim Bin Azmi	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
21	Hadiah Naib Canselor	Muhammad Haziq Bin Hasbullah	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) Dengan Kepujian
22	Hadiah Naib Canselor	Salmi Binti Mohamed Effendi	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Kejuruteraan) Dengan Kepujian
23	Hadiah Naib Canselor	Gan Puoh Yoon	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan) Dengan Kepujian
24	Hadiah Naib Canselor	Loo Heoy Shin	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) Dengan Kepujian
25	Hadiah Naib Canselor	Norhashima Binti Azmi	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian
26	Hadiah Naib Canselor	Ampuan Mohd Marzuki Bin Ag Mohamad	Diploma Kejuruteraan Pembuatan
27	Hadiah Naib Canselor	Adeline Chua Jia Min	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Rangkaian Komputer) Dengan Kepujian



28	Hadiah Naib Canselor	Nur Syifaa Binti Sukoryoh	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) Dengan Kepujian
29	Hadiah Naib Canselor	Liew Li Ching	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
30	Hadiah Naib Canselor	Chong Pek Tching	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Dengan Kepujian
31	Hadiah Naib Canselor	Potriyen Selva A/L Subbuodayar	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pembangunan Perisian) Dengan Kepujian
32	Hadiah Naib Canselor	Fatin Nur Halilah Binti Mohd Said	Diploma Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
33	Hadiah Naib Canselor	Fatin Hafizah Binti Mohammad Skuri	Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kepujian
34	Hadiah Naib Canselor	Zety Norhaiza Binti Ab Rahman	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Inovasi Teknologi)
35	Hadiah Naib Canselor	Farah Diyana Binti Aznul Shahrim	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
36	Hadiah Naib Canselor	Mohd Hafes Bin Hj Rosli	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Automotif) Dengan Kepujian
37	Hadiah Naib Canselor	Adi Irwan Bin Herman	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) Dengan Kepujian
38	Hadiah Naib Canselor	Fatin Amira Binti Anuar	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Reka Bentuk Produk) Dengan Kepujian
39	Hadiah Naib Canselor	Zuraida Azlinda Binti Zulkapli	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
40	Hadiah Naib Canselor	Azrinshah Bin Abu Bakar	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian
41	Hadiah Naib Canselor	Hafizuddin Bin Othman	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
42	Hadiah Naib Canselor	Siti Quratul Nadia Binti Sufian	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Teknologi Penyelenggaraan) Dengan Kepujian
43	Hadiah Naib Canselor	Fatin Ayuni Binti Mohd Azli Lee	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Proses Dan Teknologi) Dengan Kepujian

44	Hadiah Naib Canselor	Muhammad Hafiz Bin Mohamed Yunus	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri & Robotik) Dengan Kepujian
45	Hadiah Naib Canselor	Shafarina Wati Binti Ismail	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) Dengan Kepujian
46	Hadiah Industri	Nur Atira Binti Amran	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
47	Hadiah Industri	Si Xing Ling	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri) Dengan Kepujian
48	Hadiah Industri	Khor Chee Lu	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) Dengan Kepujian
49	Hadiah Industri	Doris Ting Hui Chii	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Pembuatan) Dengan Kepujian
50	Hadiah Industri	Nur Amirah Binti Amjath Jamal	Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) Dengan Kepujian
51	Hadiah Industri	Oh Yih Peng	Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi Dengan Kepujian (Pemasaran Teknologi Tinggi)
52	Hadiah Industri	Nadiah Zafirah Binti Al Azmi	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Sistem Penyejukan Dan Penyaman Udara) Dengan Kepujian

Sebagai tambahan daripada penganugerahan Hadiah Akademik Pelajar Cemerlang tersebut, terdapat anugerah baharu yang telah mendapat kelulusan Universiti iaitu **Anugerah Yayasan Melaka** yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Melaka dan **Penerima Anugerah Khas** yang disumbangkan oleh pihak Industri kepada graduan tahun ini seperti berikut:-

Bil.	Anugerah	Nama Pelajar	Kursus
1.	Anugerah Yayasan Melaka	Muhamad Haziq bin Hasbullah	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi) Dengan Kepujian
2.	Anugerah Yayasan Melaka	Noor Afiah binti Abd Rahim	Ijazah Sarjana Muda kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Dengan Kepujian
3.	Penerima Anugerah Khas - Anugerah Kecemerlangan Infineon	Goh Chia Min	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan) Dengan Kepujian
4.	Penerima Anugerah Khas - Anugerah Industri Infineon	Farah Diyana binti Ramzi@Rozman	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Produk) Dengan Kepujian
5.	Penerima Anugerah Khas - Anugerah Pencapaian Keysight	Akmal Afiq bin Nazmudi	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa & Pemacu) Dengan Kepujian

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib turut melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dalam ucapannya kepada para graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing dan ucapan tahniah juga dipanjangkan kepada ibu bapa dan ahli keluarga yang banyak membantu dalam kejayaan ini. Beliau turut menyentuh mengenai status semasa UTeM dan pencapaian sepanjang tahun 2014 hingga 2015. Beliau juga menyampaikan hasrat UTeM agar para graduan dapat mencipta perubahan yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan negara serta mempertahankan sifat integriti dan kesetiaan di mana sahaja mereka berada. Nilai-nilai murni dan profesionalisme terpuji perlu dijadikan amalan bagi setiap graduan.



Bersempena Konvokesyen Ke-11 ini juga, Pro Canselor, YBhg. Datuk Wira Ismail bin Saleh telah menyempurnakan majlis perasmian Pesta Konvokesyen yang diadakan pada 2 Oktober 2015 bertempat di tapak Pesta Konvokesyen. Bagi memeriahkan suasana konvokesyen, pelbagai aktiviti menarik disediakan kepada semua pengunjung Konvo Fest bermula 2 hingga 4 Oktober 2015.

Manakala Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah dilantik sebagai penganjur Majlis Makan Malam Konvokesyen yang diadakan pada 2 Oktober 2015 bertempat di Hotel Equatorial Melaka bagi meraikan tetamu jemputan yang hadir ke Majlis Konvokesyen dan graduan penerima Anugerah Pelajaran Diraja dan penerima Hadiah Canselor.



AKTIVITI

TAKLIMAT PANDUAN PENILAIAN PRESTASI KEPADA PEGAWAI PENILAI DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA OLEH JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Oleh: NOORAZILAH BINTI MOHAMED

Sistem Penilaian Prestasi adalah instrumen penting dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia untuk menilai pencapaian prestasi staf. Pengurusan penilaian prestasi melibatkan proses perancangan kerja di peringkat Unit, Bahagian, Jabatan, Pusat, Fakulti dan Universiti serta penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

Taklimat ini telah diadakan pada 2 Disember 2015 di Dewan Auditorium, Canselor yang disampaikan oleh Encik Syamsul Nizam bin Mohd Razali, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Taklimat ini telah berjaya dihadiri oleh 141 orang pegawai-pegawai penilai UTeM.

Tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberikan penjelasan kepada Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua berkaitan penilaian markah prestasi staf pada tahun 2015 supaya selaras dengan matlamat dan aspirasi Universiti untuk menetapkan penilaian prestasi yang adil dan telus berfokuskan kepada penghasilan kerja dan kepuasan pemegang taruh.

Kesinambungan taklimat ini, setiap penilaian Pegawai Yang Dinilai (PYD) dilaksanakan secara adil dan telus



bagi membantu pihak pengurusan Universiti membuat keputusan yang berkaitan dengan pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, anjakan gaji dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Terdapat dua (2) objektif utama diadakan taklimat penilaian prestasi ini iaitu:

i) Membolehkan setiap penilaian Pegawai Yang Dinilai (PYD) dilaksanakan secara adil dan telus bagi membantu pihak pengurusan Universiti membuat keputusan yang berkaitan dengan pengesahan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, anjakan gaji dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

ii) Menyediakan laporan kepada pengurusan Universiti berhubung prestasi pencapaian staf bagi tujuan mengenalpasti pencapaian staf secara menyeluruh.



INFO

PROGRAM UTeM TERBILANG UTeM CABAR KEYAKINAN DIRI

Oleh: MOHD YASZLI BIN MOHAMED RAHIS

Pada 16 hingga 22 November 2015 yang lalu bertempat di Serama Eco Park, Durian Tunggal, Melaka, Unit Pengesahan Perkhidmatan Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Program UTeM Terbilang Bil. 2/2015 bagi staf yang baharu melaporkan diri di UTeM. Program kali ini melibatkan sejumlah 35 orang staf yang terdiri daripada 27 orang staf akademik dan selebihnya adalah staf pentadbiran yang majoritinya dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan. Antara objektif penganjuran Program UTeM Terbilang adalah untuk memberi pendekatan yang sama kepada semua pegawai awam tentang matlamat kerajaan, dasar awam dan keutamaan negara, memahami hala tuju Universiti dan peranan staf dalam organisasi serta fungsi Pusat Tanggungjawab dan peneraju PTJ, mempertingkatkan serta memartabatkan kakitangan yang bermaruah, keperibadian tinggi dan rasional, berakhlak

mulia, komited kepada tanggungjawab dan kerjaya serta sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan di samping memberi penjelasan tentang sistem pentadbiran, prosedur utama, arahan dan pekeliling serta panduan-panduan kerajaan.

Buat julung kalinya program yang juga melibatkan aktiviti "outdoor" ini telah dijalankan di Serama Eco Park, Durian Tunggal. Menariknya pada kali ini, bagi menguji tahap keyakinan di kalangan peserta, semua peserta telah didedahkan dengan sukan lasak antaranya Orang Utan Walk. Dengan ketinggian melebihi 20 kaki, peserta dikehendaki meniti di atas tali yang disambung dari satu pokok ke pokok yang lain diselang-seli dengan pelbagai jenis halangan di setiap "Check Point" yang disediakan.



Di pokok yang terakhir, peserta sekali lagi diuji dengan cabaran "Flying Fox". Buat pertama kalinya juga satu lagi permainan yang mula mendapat tempat di kalangan rakyat Malaysia ketika ini diperkenalkan iaitu "Frisbee Challenge" yang mana dalam permainan ini peserta diuji dengan kemampuan mereka bekerja dalam satu kumpulan. Aktiviti lain termasuklah "Water Confident", "Giant Swing" serta "Night Walk".

Sepanjang 3 hari 2 malam di Serama Eco Park, semua peserta dilihat berjaya memberikan komitmen sepenuhnya. Pada hari terakhir, semua peserta dibawa semula ke Auditorium Canselor UTeM bagi mendengar amanat YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor dan diikuti dengan bacaan Ikrar Aku Janji Staf di hadapan YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor disertai dengan kehadiran beberapa Pegawai Kanan UTeM yang lain. Staf akan dinilai sepanjang program dilaksanakan berdasarkan kepada aktiviti dan kriteria penilaian yang ditetapkan. Hanya staf yang berjaya mengikuti PTM sepenuhnya berdasarkan penilaian sepanjang program dijalankan layak untuk diberikan sijil PTM.



INFO

KURSUS KAEDAH PENYELIDIKAN SIRI 3/2015

ANJURAN

BAHAGIAN CUTI BELAJAR, PEJABAT PENDAFTAR

25 – 29 NOVEMBER 2015
HOTEL SWAN GARDEN, MELAKA

Oleh: HAJAR SURIATI BINTI OTHMAN



Kursus Kaedah Penyelidikan Siri 3/2015 telah diadakan pada 25 hingga 29 November 2015 bertempat di Hotel Swan Garden, Melaka. Kursus ini telah disertai seramai 28 orang peserta termasuk 15 orang Fellow dan seorang dari UPM.

Objektif utama program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan terhadap beberapa perspektif, halatuju dan kaedah-kaedah kuantitatif dalam penyelidikan di samping mendedahkan asas-asas dan pengetahuan kaedah penyelidikan dan analisis statistik agar staf dapat mengikuti program ijazah lanjutan dengan lebih berkesan. Kursus ini menjadi platform kepada para peserta untuk lebih bersedia menghadapi pengajian di peringkat tertinggi agar berjaya memperolehi kejayaan dengan membawa pulang segulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan jayanya. Bagi mencapai matlamat tersebut, bahagian ini telah melantik penceramah-penceramah yang berpengalaman luas untuk turut serta dalam perkongsian ilmu berkaitan asas persampelan, kaji selidik, analisa data, eksperimen dan seterusnya penulisan jurnal serta kertas penyelidikan.

Akhir kata, pihak Bahagian Cuti Belajar (BCB) mengucapkan selamat maju jaya kepada semua staf dan Fellow yang akan menyambung pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan beroleh kejayaan bagi meningkatkan mutu pendidikan Universiti pada masa akan datang.



AKTIVITI

MAJLIS JASAMU DIKENANG

Oleh: NORHAFIZAH BINTI MD YUSOH



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis Jasamu Dikenang pada tanggal 18 November 2015 (Rabu), jam 2.30 petang bertempat di Bilik Jamuan Utama, Canselor. Penganjuran majlis pada kali ini adalah bagi meraikan 8 orang yang bersara wajib dan 2 orang pesara pilihan bagi tahun 2015 sehingga Jun 2016.

Majlis ringkas namun penuh erti ini diadakan sebagai tanda penghargaan serta ucapan terima kasih yang tidak terhingga pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan dengan penuh dedikasi oleh bakal pesara dan pesara.

Naib Canselor dalam ucapannya, merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan bakal pesara dan pesara kepada UTeM sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan UTeM hari ini dan menjadi contoh kepada warga UTeM yang masih berkhidmat.

Beliau juga turut mendoakan bakal pesara dan pesara UTeM dikurniakan kesihatan yang baik, rezeki yang murah, umur yang panjang dan kehidupan yang diberkati oleh Allah SWT.



TAKLIMAT DAN SESI RUNDINGAN PTPTN DI UTeM

Oleh: MOHD SHAHRUL NIZAM BIN SHUKOR

Seperti sedia maklum, merujuk kepada kenyataan Ketua Setiausaha Negara (KSN), YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa yang disiarkan di akhbar utama pada 18 Jun 2015 yang lalu, telah mengarahkan seluruh penjawat awam yang mempunyai pinjaman dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membuat bayaran balik pinjaman PTPTN melalui potongan gaji. Mengikut terma kontrak, bayaran balik pinjaman perlu dijelaskan bermula 6 bulan daripada tarikh menamatkan pengajian di Institut Pengajian Tinggi.

Atas kepentingan perkhidmatan awam, staf (peminjam) yang masih belum menjelaskan hutang pinjaman PTPTN diarahkan untuk menyelesaikan keterhutangan berkenaan dengan pihak PTPTN melalui kaedah potongan gaji bulanan. Kegagalan staf (peminjam) melaksanakan arahan ini boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:

- tidak boleh memohon sebarang pembiayaan kredit daripada mana-mana institusi kewangan – disenaraikan di dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS);
- dihalang daripada meninggalkan negara untuk sebarang urusan – disenarai hitam oleh Jabatan Imigresen Malaysia;
- menjejaskan sebarang peluang pemangkuan atau kenaikan pangkat dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP); dan
- menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tata-tertib kerana ingkar perintah di bawah Akta 605 yang akan dikenakan hukuman sehingga buang kerja.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati dan sijil penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa selama berkhidmat di Universiti ini.



“Sesungguhnya khidmat bakti Tuan-Tuan dan Puan-Puan selama bertahun-tahun ini tidaklah boleh disamakan nilainya dengan hanya sebuah majlis yang ringkas seperti ini sahaja, namun apa yang penting adalah pengiktirafan dan tanda peringatan UTeM kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang telah bersama-sama menyemai bakti tanpa jemu sehingga Universiti ini mampu berada di aras kecemerlangan yang membanggakan”, ujar Naib Canselor.



TABUNG Pendidikan

CAWANGAN AYER KEROH, MELAKA
TEL : 06-233 6212

- ✓ Bayaran Balik dan Rundingan Pembiayaan PTPTN.
- ✓ Pembukaan dan Penambahan Akaun SSPN-i dan Akaun SSPN-i Plus.
- ✓ Semakan Penyata Baki Simpanan dan Pembiayaan Pendidikan.

VISA DEBIT

“Urusniaga boleh dibuat melalui Electronic Data Capture (EDC) Terminal (Kad ATM / Kad Debit)”

SSPN-i **SSPN-i Plus**



Sebagai langkah membantu dan peluang kepada staf (peminjam), Universiti dengan kerjasama PTPTN telah mengadakan taklimat dan mengadakan sesi rundingan kepada staf (peminjam). Sesi tersebut diadakan bagi membantu staf (peminjam) untuk menguruskan bayaran hutang pinjaman melalui kaedah potongan gaji selain berunding untuk menukar status pembayaran daripada 3% kepada 1% (ujrah) ataupun mengurangkan jumlah potongan sebulan dengan memanjangkan tempoh bayaran balik.

Sesi taklimat dan rundingan ini telah diadakan seperti ketetapan berikut:

Sesi Centre	Tarikh	Tempat
Sesi Pertama Centre	1 Oktober 2015	Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah
Sesi Kedua Centre	17-18 Dis 2015	Auditorium, Bangunan Canselori

Diharapkan inisiatif pejabat ini dapat memberi ruang kepada staf (peminjam) dalam mendapatkan maklum balas daripada pihak PTPTN sebelum potongan gaji dilaksanakan.



Tahniah Atas Kenaikan Pangkat

NAMA : MOHD NIZAM BIN PAVEL
 NO. STAF : 00258
 JAWATAN/GRED : TIMBALAN PENYAPUTAN N48
 PTJ (Hakiki) : PTJ. PENYAPUTAN - BPA



A. Apakah perasaan anda setelah berjaya di dalam permohonan kenaikan pangkat ini.

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi peluang saya untuk ini. Saya merasa bangga dan puas kerana telah berjaya dan dapat meningkatkan taraf hidup saya.

B. Nyatakan janji dan azam anda pada PTJ khususnya dan Universiti amnya.

Saya akan berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja saya dan akan berusaha untuk mencapai visi dan misi universiti. Saya akan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup saya dan akan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup orang lain.

NAMA : MOHAMMAD BIN MOHD SAULAH
 NO. STAF : 00027
 JAWATAN/GRED : MUS
 PTJ (Hakiki) : PTJ. PEG. Pundit



A. Apakah perasaan anda setelah berjaya di dalam permohonan kenaikan pangkat ini.

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi peluang saya untuk ini. Saya merasa bangga dan puas kerana telah berjaya dan dapat meningkatkan taraf hidup saya.

B. Nyatakan janji dan azam anda pada PTJ khususnya dan Universiti amnya.

Saya akan berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja saya dan akan berusaha untuk mencapai visi dan misi universiti. Saya akan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup saya dan akan berusaha untuk meningkatkan taraf hidup orang lain.

NAMA : MOHD MAWARDI BIN BADRUDDIN
 NO. STAF : 01174
 JAWATAN/GRED : PUSAT KAWAN / S44
 PTJ (Hakiki) : PERPUSTAKAAN



A. Apakah perasaan anda setelah berjaya di dalam permohonan kenaikan pangkat ini.

Perasaan sangat gembira dan bangga serta meningkatkan motivasi untuk terus berkinerja dengan lebih cemerlang lagi.

B. Nyatakan janji dan azam anda pada PTJ khususnya dan Universiti amnya.

Janji dan azam untuk PTJ untuk meningkatkan lagi usaha dalam meningkatkan kecemerlangan PTJ. Manakala untuk Universiti membantu Universiti untuk dalam mencapai visi dan misi.

NAMA : Khairin Abdullah
 NO. STAF : 01174
 JAWATAN : Juruteknik Komputer FT22
 PTJ : PPPK



A. Apakah perasaan anda setelah berjaya di dalam permohonan kenaikan pangkat ini.

Saya rasa bersyukur kepada Allah SWT kerana memberi rezeki, di dalam hati saya bersyukur kerana, kerana, saya yg sentiasa ingin membantu dan menemani semua UTM mengahala @ mengahala haka fyu.

B. Nyatakan janji dan azam anda pada PTJ khususnya dan Universiti amnya.

Sy akan berjanji untuk memberikan yang terbaik dalam menjalankan kerja hakiki @ kerja lain yg dapat membantu dalam menjalankan semua pekerjaan. Saya akan memastikan saya sentiasa bersemangat dan semua hal.



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA